

04/08/2003

Bukti kekejaman bangsa Eropah

Zulkifli Mohd Alwi

APABILA Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memperkatakan mengenai kecenderungan bangsa Eropah kepada peperangan di dalam ucapan Dasar Presiden sewaktu Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini, beliau dikritik kerana kononnya cuba meraih populariti.

Ia adalah kecaman klasik Dr Mahathir terhadap Barat, kata pengkiritiknya. Namun, apakah realiti sejarah bangsa Eropah mewajarkan kenyataan Dr Mahathir?

"Di mana suku kaum Pequot hari ini? Di mana suku Naragansett, Mohican, Pokanoket dan banyak lagi puak yang kuat di kalangan kaum kita?

Mereka semuanya telah lenyap akibat sikap haloba dan penindasan oleh orang kulit putih, bak salji dibakar bahang mentari musim panas." - Tecumseh, ketua suku Shawnee, kaum Red Indian di Amerika Syarikat.

Ibu dan anak yang menyusu ditembak mati. Kanak-kanak disembelih. Yang lemah diburu dan dibunuh dengan kejam. Tebing Sungai Wounded Knee diselaputi salji berubah menjadi merah disimbah darah.

Tiga ratus lelaki, wanita dan kanak-kanak kaum Red Indian suku Sioux, termasuk ketuanya yang tua dan sakit, Chief Big Foot terkorban pada hari terciptanya sejarah keganasan dan kekejaman itu.

Tarikh 29 Disember 1890 adalah detik hitam berlakunya pembunuhan beramai-ramai di Wounded Knee. Tanpa segan silu, Pasukan Berkuda Ketujuh Tentera Darat Amerika Syarikat menggambarkan insiden itu sebagai suatu 'pertempuran'.

Biarpun pasukan pengecut itu melakukan jenayah besar, 18 daripada mereka dikurnia oleh Kerajaan Amerika pingat keberanian tertinggi.

Wounded Knee menandakan berakhirnya peperangan suku kaum Red Indian, konflik berdarah dan ganas yang menjerumuskan penduduk asli Amerika yang mempertahankan tanah air daripada perompak dan penjajah bangsa Eropah.

Ia melambangkan penaklukan mutlak ke atas penduduk asli - sebahagian besar suku kaum penduduk asli ini dimusnahkan, manakala yang lain dipinggirkan ke kawasan penempatan menyerupai taman hidupan liar di Afrika.

Kisah ini bermula pada 1492 apabila Christopher Columbus, pengembara Itali yang belayar atas nama Raja Sepanyol, berlabuh di sebuah pulau di benua Amerika dan 'menemui Dunia Baru'.

Penduduk pulau berkenaan yang Columbus gelar sebagai Indios (asal nama Red Indian), melayan beliau dengan penuh penghormatan sebagai tetamu.

Columbus membalas layanan itu dengan menculik 10 orang daripada mereka yang dihantar ke Sepanyol dengan seorang daripadanya mati dalam pelayaran.

Dalam tempoh kurang sedekad, penjajah bangsa Sepanyol yang berduyun-duyun tiba mencari emas dan galian lain memusnahkan kaum asli ini dan menjual yang lain untuk dijadikan hamba.

Demikianlah sejarah penemuan 'Dunia Baru' dimuatkan dengan kisah kekejaman dan keganasan yang didominasi pada awalnya oleh penjajah Eropah berketurunan Sepanyol.

Hernan Cortes, seorang konquistador (penakluk) awal dari Sepanyol, dengan kejamnya merampas kawasan yang kini dikenali sebagai Mexico pada 1518 dan melenyapkan masyarakat asal tempatan, suku kaum Aztec.

Tiga belas tahun kemudian, Francisco Pizarro diberi jolokan konquistador paling ganas ketika menakluk wilayah yang kini dikenali sebagai Peru sehingga memupuskan kaum Inca yang memerintah sebahagian besar Amerika Selatan.

Penjajah bangsa Eropah yang lain terutama Belanda, Inggeris, Perancis dan Portugis, turut muncul dengan perwatakan yang sama.

Pada 1641, askar Belanda yang berkhidmat di bawah koloni penjajah menyerang dua perkampungan suku kaum Raritan di Pulau Staten (dekat kawasan yang kini dikenali sebagai New York); lelaki, wanita dan kanak-kanak yang sedang tidur ditikam sebelum tubuh mereka dikelar dan dicincang.

Orang Inggeris walaupun dikatakan lebih sopan, tetapi tidak kurang kejamnya. Ketika tiba di Virginia pada 1607, mereka mendirikan jajahan yang dikenali sebagai Jamestown.

Untuk menguasai penduduk asal dari suku Powhatan, mereka memahkotakan seorang penghuni bernama Wahunsonacook sebagai raja. Kesetiaan Wahunsonacook kepada Inggeris bertambah apabila pendaratang Inggeris, John Rolfe mengahwini puterinya, Pocahontas, kisah perkahwinan yang kini diabadikan dalam buku dan filem.

Selepas kematian Wahunsonacook, suku Powhatan memberontak menentang pencerobohan Inggeris, tetapi ia berakhir dengan kemusnahan kejam penduduk asal dalam sekelip mata.

Sesungguhnya, penghapusan penduduk asal bukan hanya berleluasa, tetapi pembunuhan dilakukan secara kejam dan tidak berperikemanusiaan. Ramai penduduk asli bukan saja dibunuh, tetapi bahagian atas kepala mereka turut dicantas dalam perbuatan yang dikenali sebagai scalping (seperti dilapah).

Perbuatan yang dianggap Red Indian sebagai tidak berperikemanusiaan itu diperkenalkan oleh pendaratang Sepanyol.

Pada mulanya, scalping hanya berlaku di antara kaum Indian dan pendaratang awal dari Eropah. Kemudian scalping menjadi amalan tentera penjajah yang bertempur dengan penduduk asal, terutama suku Navaho.

Untuk membuktikan keperwiraan mereka, tentera penjajah mencantas bahagian atas kepala pejuang Navaho yang terkorban bersama dengan simpulan rambut yang berikat tali berwarna merah.

Siapa yang memulakan scalping masih samar, tetapi penjajah Sepanyol, Inggeris, Belanda dan Perancis mempopularkannya dengan menawarkan hadiah yang lumayan ke atas kulit kepala kaum Indian.

Bagi mewajarkan dominasi dan layanan mereka terhadap penduduk asal Amerika, kepimpinan kolonial mencipta doktrin yang dipanggil Manifest Destiny.

Menurut doktrin itu, bangsa Eropah lebih hebat dan bertamadun, maka mereka berhak dan bertanggungjawab untuk memerintah penduduk asal yang dianggap buas dan kuno. Bangsa Eropah ditakdirkan untuk memerintah seluruh benua Amerika.

Tetapi, ini hanya muslihat untuk mewajarkan serta memuliakan sifat haloba pendaratang Eropah kepada tanah dan wilayah, menurut pengarang Dee Brown dalam bukunya mengenai sejarah kaum Indian, *Bury My Heart at Wounded Knee*.

Doktrin Manifest Destiny dijadikan alasan menghalalkan pencerobohan demi pencerobohan kawasan yang dipersetujui sebagai "wilayah tetap Indian" dalam perjanjian-perjanjian antara pendaratang dan penduduk asal.

Betapa jeleknya doktrin ini, namun ia mencirikan kolonialisme Eropah bukan hanya di benua Amerika malah di seluruh dunia.

Dari Afrika ke Asia hingga ke Australia, pernyataan "the White Man's Burden" (beban orang kulit putih) adalah cogankata untuk mencero boh wilayah yang dihuni oleh penduduk asal sejak sekian lama.

"...bangsa yang tinggi kedudukannya mempunyai hak kerana mereka mempunyai tugas. Mereka mempunyai tugas untuk membawa tamadun kepada bangsa yang terkebelakang..." kata Jules Ferry, Perdana Menteri Perancis (1880-1881, 1883-1885), kepada Parlimen negara itu.

Kenyataan Ferry ini mencerminkan persepsi yang meluas di kalangan

penjajah Eropah bahawa penduduk asal tanah jajahan adalah manusia tidak bertamadun.

Oleh itu, penduduk asal dipaksa untuk mengamalkan cara hidup Eropah; sesiapa yang ingkar dianggap buas dan disamakan dengan binatang yang patut diburu seperti anjing.

"Mereka itu seperti anjing dan adalah wajar untuk menembak mereka seperti anda menembak seekor anjing yang menyalak", ujar Reverend William Yate, berhubung penduduk pribumi Australia pada 1835.

Persepsi yang tersasar dan tidak adil seperti itu membawa kepada pembunuhan penduduk pribumi yang mendiami benua Australia sejak 60,000 tahun lalu.

Beribu malahan puluhan ribu penduduk asli Australia mungkin dibunuh sejak penjajah British membuka penempatan yang pertama di kawasan yang kemudiannya dikenali sebagai Lembangan Sydney pada 1788.

Sepuluh ribu penduduk pribumi dibunuh dalam pembunuhan besar-besaran yang dilakukan oleh polis, menurut penulis Bruce Elder dalam bukunya "Blood on the Wattle" untuk mengisahkan penghapusan penduduk pribumi Australia.

"Penduduk pribumi Australia mempunyai apa yang kita mahu sekarang. Kita, penceroboh berbangsa Eropah, mengambil segala-galanya...kita mengambil tanah seperti ia kepunyaan kita...kita membunuh semua penduduk pribumi itu dengan senjata dan racun dan penyakit," menurut Elder.

Tindakan Elder menggelar masyarakat Australia berkulit putih sebagai "penceroboh bangsa Eropah" adalah amat signifikan kerana ia membayangkan kecenderungan mereka kepada kekerasan, keganasan dan peperangan.

Sememangnya, sejarah menunjukkan bahawa kuasa ketenteraan yang paling dahsyat dalam peperangan agung dari Salamis (480 S. M.) hingga Perang Vietnam (1959-1975) adalah bangsa Eropah.

Menurut Prof. Victor Davis Hanson dalam bukunya "Why The West Has Won", orang Barat (bangsa Eropah) begitu mahir menggunakan peradabannya untuk membunuh orang lain dan berperang dengan begitu ganas, selalunya dengan mengalami kematian yang begitu sedikit.

"Sama ada dulu, sekarang atau akan datang, kisah dinamisme ketenteraan dunia akhirnya tertumpu kepada kehebatan persenjataan Barat," katanya.

Jika ditinjau sejarah kuasa ketenteraan sejak dua ratus tahun lalu, pastinya kenyataan Prof. Hanson menjadi lebih jelas.

Kecuali Empayar Othmaniah Turki yang mula merosot dalam tempoh tersebut, tiada kuasa lain yang boleh menyaingi kuasa Eropah.

Dalam dunia unipolar pasca-Perang Dingin sekalipun, Amerika Syarikat sebagai satu-satunya kuasa hyperpower didominasi oleh rakyat berbangsa Eropah.

Maka tidak hairanlah jika Amerika dan sekutunya terutama Britain kebelakangan ini amat cenderung untuk memerangi sebarang pihak yang dianggap sebagai ancaman terhadap keselamatan dan kepentingan strategik mereka.

Pencerobohan ke atas Iraq adalah kes yang paling nyata dalam konteks ini, sekaligus mengimbas penjajahan awal oleh Columbus, Cortes dan Pizarro.

Maka apabila kita kaji semula kenyataan kontroversi Dr Mahathir mengenai bangsa Eropah, tentunya hujah beliau tidak bermaksud untuk menidakkan kehebatan orang Eropah dan sumbangan mereka kepada tamadun manusia.

Seperti kebanyakan orang sedia maklum, Dr Mahathir sering mengakui kekuasaan dan dominasi Barat (iaitu bangsa Eropah) dalam banyak bidang kehidupan terutamanya sains dan teknologi.

Begitu juga, beliau pastinya tidak menafikan penglibatan bangsa lain dalam sejarah konflik manusia, sama ada konflik berbentuk ketenteraan atau sebaliknya.

Tidak mungkin seseorang yang tinggi intelek dan luas pengetahuan seperti Dr Mahathir jahil mengenai sejarah tamadun manusia.

Mesej utama beliau, berdasarkan sejarah, bangsa Eropah bersifat pelaku perang.

Urutan peristiwa dunia sejak kebelakangan ini tiada bezanya. Perkara penting adalah rakyat Malaysia seharusnya meneliti sifat semula jadi bangsa Eropah kerana mereka menguasai dunia yang kini unipolar.

Dengan kedudukan Amerika Syarikat kini sebagai kuasa tentera paling kuat, senario ini dijangka tidak berubah secara mendadak. Tambahan pula pentadbiran AS yang dipengaruhi kumpulan neo-konservatif yang pro-perang, menyebabkan negara itu cenderung bertindak sendiri atas alasan pencegahan (pre-emptive).

Keunggulan AS tidak akan tergugat walaupun beberapa cubaan dibuat untuk mewujudkan atau menghidupkan semula pusat kuasa sebagai pengimbang. Dengan keadaan semasa, Eropah atau Asia dan juga Afrika tidak akan dapat menyaingi Amerika Syarikat dan sekutunya, sekurang-kurangnya dalam waktu terdekat.

Oleh kerana inilah, kita menolak cadangan melantik Dr Mahathir ke persada kepimpinan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) pada sidang kemuncaknya yang dijadualkan berlangsung di Malaysia, Oktober ini.

OIC mempunyai rekod perpecahan dan ketidakupayaan akibat perbezaan pendapat, egotisme dan persengketaan yang parah di kalangan negara anggota.

PENULIS adalah Penolong Setiausaha, Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia